

Mahathir seru rakyat sama bertugas untuk ubah nasib

BN 27 DEC 1983

KUALA KEDAH, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru rakyat supaya bersedia menerima perubahan bagi menikmati kemajuan dan penghidupan yang lebih baik.

Bellau berkata jangalah menyerahkan kepada kerajaan sahaja usaha-usaha untuk mengubah dan memperbaiki nasib.

“Rakyat juga perlu turut sama bertugas untuk menentukan usaha-usaha mengubah nasib mereka mencapai kejayaan,” kata Perdana Menteri di majlis perletakan batu asas Bangunan Umno bahagian Kuala Kedah di sini semalam. Bangunan itu berharga kira-kira \$1.1 juta.

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan, rakyat mempunyai tanggungjawab menentukan nasib mereka akan bertambah baik dan dapat pula menikmati segala kesenangan hasil kemerdekaan.

Menurutnya, sesebuah masyarakat tidak akan berkembang maju jika anggota masyarakat itu sendiri tidak berusaha mengubah nasib mereka.

Bellau berkata, rakyat sendiri mesti sanggup

yar gaji dan elaun kakitangannya supaya wang itu dapat ditumpukan kepada kaum nelayan dan petani.

Katanya, langkah seperti itu bukan bertujuan untuk menganlaya sesiapa malah sebagai satu usaha untuk membantu memperbaiki golongan yang menderita dan susah.

dan bersedia menerima perubahan-perubahan yang perlu untuk menikmati kehidupan yang lebih baik dan sempurna.

“Kita juga mesti sanggup menerima nasihat untuk membuat perubahan bukan sahaja untuk diri kita tetapi juga untuk kepentingan orang ramai,” tambahnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat bukan sahaja mesti bersedia menerima perubahan tetapi perlu menggunakan projek-projek pembangunan yang dihayatkan supaya ia benar-benar memberi faedah kepada mereka dan masyarakat.

Bagi kaum nelayan, tegas Perdana Menteri lagi, mereka juga perlu mengubah cara menangkap ikan dari cara lama kepada cara yang lebih moden dan menguntungkan.

Menurutnya, kini perusahaan menangkap ikan perlu dijalankan melalui koperasi atau syarikat yang mampu menjalankan perusahaan itu secara besar-besaran supaya nelayan-nelayan yang menjadi ahlinya dapat menikmati faedah dan keuntungan.

Bellau berkata, kerajaan juga sedang berusaha dengan berbagai-bagai cara melalui agensi-agensinya untuk membantu dan memperbaiki kehidupan kaum nelayan di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan rancangan kerajaan untuk menswastakan setengah perkhidmatannya bertujuan meringankan beban kerajaan bagi memba-